

29/08/1998

Kaji semula Singapura sebagai jiran

Adenan Sayan

PERTIKAIAN antara Malaysia dan Singapura masih belum menemui noktah. Kenyataan demi kenyataan dikeluarkan oleh Singapura yang menyentuh sensitiviti Malaysia. Pelbagai isu baru yang menyentuh sensitiviti kita, antaranya isu Pusat Pemeriksaan Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK) dan dagangan tidak rasmi di Singapura yang kebanyakannya membabitkan saham syarikat Malaysia (Clob). Terbaru ialah kenyataan Menteri Kanan Singapura, Lee Kuan Yew yang menyatakan Malaysia dan Indonesia meminta lebih daripada yang mampu diberi oleh Singapura.

Isu terbaru ini adalah antara rentetan isu yang kerap timbul dalam perhubungan antara Malaysia dan Singapura yang memang mempunyai latar belakang sejarah dan kedudukan geografi yang tersendiri. Antara isu yang timbul sebelum ini seperti isu kereta separuh tangki, Pulau Batu Putih, wang caruman pekerja dari Semenanjung, dakwaan Johor Bahru sebagai tempat banyak kecurian kereta, kejadian bunuh dan samun dan banyak lagi. Kalau dilihat sekali imbas, daripada rentetan peristiwa yang berlaku, kebanyakan isu yang berlaku dimulakan oleh Singapura. Kelihatan seperti mereka sengaja menimbulkan masalah itu dan sudah mengagak apa reaksi pihak Malaysia.

Singapura adalah sebuah negara terkecil dari segi geografi dan bilangan penduduk berbanding negara lain dalam Asean. Dengan jumlah keluasan 647.5 kilometer persegi (42 kilometer dari timur ke barat dan 23 kilometer dari utara ke selatan) dan penduduk kurang daripada 3 juta orang, mereka mempunyai pasaran domestik yang terhad. Mereka tidak boleh menjadi negara pengeluar kerana sumber alam yang terhad di samping penawaran tenaga kerja tempatan yang kecil. Oleh itu, mereka sedaya upaya membangunkan industri perkhidmatan kerana itulah satu-satunya industri yang memberikan pulangan lumayan kepada mereka. Tidak hairan syarikat penerbangan mereka adalah antara yang terbaik di dunia dari segi perkhidmatan. Begitu juga perkhidmatan pelabuhan mereka. Asean yang mempunyai jumlah penduduk kira-kira 300 juta orang banyak membantu Singapura memasarkan perkhidmatannya. Singapura berjaya dengan cemerlang mengeksploitasi hasil sumber alam yang sangat banyak dari seluruh negara Asean untuk keperluan perdagangannya.

Semangat kejiranan adalah antara nilai penduduk Asia yang baik. Penduduk di Malaysia khususnya adalah antara bangsa di Asia yang masih kuat berpegang kepada nilai baik ini terutama penduduk di kawasan luar bandar.

Ia seolah-olah menjadi satu kewajipan bagi kebanyakan penduduk dan akan menjadi satu kejanggalan kepada sesiapa yang tidak mengamalkannya.

Sejak awal lagi sebenarnya Singapura tidak pernah selesa dengan budaya ini.

Mereka tidak selesa apabila kita mempersoalkan mengapa mereka mempertingkatkan kekuatan ketenteraan walaupun mereka berada dalam zon yang aman. Lagipun, kemungkinan untuk negara lain melakukan serangan terhadap negara lain hampir tidak pernah terfikir oleh penduduk dalam Asean kecuali peristiwa 'Ganyang Malaysia' oleh Soekarno. Peristiwa itupun hampir hilang daripada kamus hubungan Malaysia-Indonesia. Apabila Malaysia mengemukakan idea Wawasan 2020, Singapura tidak melihatnya dari sudut kemakmuran bersama tetapi melihatnya sebagai sesuatu yang boleh menenggelamkan mereka. Apabila Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan penubuhan Koridor Raya Multimedia (MSC), Singapura berasakan ia sebagai cubaan memecahkan penguasaan mereka dalam bidang teknologi maklumat (IT) yang selama ini memberikan pulangan besar kepada mereka. Apabila Malaysia

menggerakkan industri maritim dengan mempertingkatkan keupayaan pelabuhan di seluruh Malaysia, sekali lagi Singapura benar-benar terancam kerana ia adalah mata pencarian mereka. Tanpa semua itu siapalah Singapura. Tidak kedengaran mereka bersuara merayu kepada Malaysia untuk memberhentikan apa juga tindakan kita yang boleh menggugat mereka. Biasanya mereka akan bertindak dalam diam untuk menghadapi sebarang persaingan baru daripada Malaysia atau melemparkan tuduhan yang boleh menjatuhkan imej kita di mata dunia. Kadangkala mereka merujuk kepada peruntukan dalam undang-undang antarabangsa. Contohnya, apabila Malaysia bercadang menguatkuasakan undang-undang menyekat pengeksport dari Malaysia menggunakan pelabuhan Singapura, mereka menyatakan perkara itu akan dirujuk kepada Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO).

Jika kita dengan semangat kejiiran tulen membekalkan air kepada Singapura, tetapi bagi mereka ia adalah satu urusan jual beli yang tidak boleh dikaitkan dengan apa-apa sentimen. Sebab itu apabila kita mengugut untuk memberhentikan penjualan air, mereka berkata yang mereka masih boleh membeli air daripada Indonesia. Itu adalah perkara biasa dalam urusan jual beli.

Dalam hal ini Singapura tidak menimbulkan soal kejiiran. Singapura tidak pernah menganggap mereka terikat dengan semangat kejiiran. Mereka juga tidak pernah berasakan semangat kejiiran penting untuk mereka. Sebab itu mereka tidak pernah menghargai budaya itu walaupun kita sebagai jiran begitu kerap melaungkannya.

Dalam hal ini sebenarnya Malaysia gagal memahami Singapura. Malaysia harus sedar daripada lamunan selama ini yang kebaikan kita sebenarnya tidak langsung dihargai. Ini kerana kita menganggap Singapura tidak pernah terhutang budi kepada sesiapa. Malaysia perlu menyisihkan tanggapan salah selama ini dan bergerak dengan cara lain apabila berhadapan dengan Singapura. Kita perlu bergerak dengan kebebasan yang sepenuhnya selagi tidak melanggar sebarang peruntukan dalam undang-undang antarabangsa tanpa perlu mengambil kira soal semangat kejiiran. Kita juga harus bersiap sedia dan perlu menerima apa juga tindakan oleh Singapura yang mungkin tidak mencerminkan semangat kejiiran. Dalam era globalisasi tanpa sempadan kini, semangat kejiiran sudah menjadi begitu asing kerana keuntungan lebih utama. Perkembangan terkini memerlukan setiap dari kita terutama pemimpin negara meningkatkan kecekapan dan kepekaan di samping tindak balas yang pantas. Lupakan soal kejiiran apabila berhadapan dengan Singapura. Lakukan apa saja yang kita fikir baik demi kebaikan kita. Apa perlu kita melaungkan konsep kejiiran jika kita dituduh meminta-minta. Apa gunanya kita menuntut mereka memikirkan kebaikan kita selama ini tetapi mereka mengatakan kita bertindak tidak mengikut logik dan undang-undang.

Cukuplah dengan pelbagai tohmahan yang dilemparkan kepada kita. Dengan semua kejadian yang sudah berlaku membolehkan kita lebih memahami dalam zaman yang dikatakan manusia mencapai peradaban tinggi ini, definisi peradaban bagi sesetengah orang juga sudah berubah. Tindakan bertamadun bagi mereka memberi erti perilaku atau tindakan yang cekap dan bijaksana yang boleh menghasilkan keuntungan kepada diri sendiri walaupun dengan cara memijak kepala orang lain.